

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

17 APRIL 2019

RABU



| AKHBAR       | TAJUK BERITA                     | M/S |
|--------------|----------------------------------|-----|
| KOSMO        | ISU TAK BAYAR SEWA SELESAI       | 2   |
| HARIAN METRO | KEPUTUSAN DIKETAHUI SEBULAN LAGI | 3   |



# KOSMO

Rabu - Sinar Harian - 17/4/19

## Isu tak bayar sewa selesai

**Kerajaan negeri benar 11 penghuni PPR duduki kembali rumah disewa**

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

**K**esemua 11 penghuni di Flat Tasek 64 bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Alam yang diarahkan keluar kelmarin sudah dibenarkan menduduki kembali kediaman mereka, semalam.

Exco Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar, Sr Dzulkefly Ahmad berkata, masalah diselesaikan selepas perbincangan dilakukan dengan penghuni.

"Kes PPR Seri Alam yang berlaku hari ini (semalam) melibatkan 11 unit rumah yang mana penghuninya mempunyai tunggakan sewa dalam jumlah besar.

"Enam daripadanya telah menyelesaikan bayaran manakala selebihnya telah membuat aku janji bagaimana cara mereka untuk menyelesaikan tunggakan sewa mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dzulkefly berkata, jumlah tunggakan keseluruhan melibatkan 11 penghuni itu dianggarkan bernilai 300,000.

"Jumlah tunggakan untuk 11 unit rumah PPR Seri Alam ini adalah antara RM1,100 hingga RM9,300 sedangkan sewa bulanan hanyalah RM124 sahaja.

"Ini bermakna mereka tinggal di sana satu hingga enam tahun tanpa membayar sewa," katanya.



DZULKEFLY

Katanya, beliau berharap penguatkuasaan dilakukan dapat dijadikan sebagai pengajaran kepada pihak berkenaan supaya mematuhi pembayaran bulanan seperti tertakluk dalam perjanjian sewaan.

Dalam pada itu, Dzulkefly berkata, statistik PPR dan Rumah Sewa Kerajaan (RSK) menunjukkan hanya ada antara 40 hingga 45 peratus sahaja penyewa yang membayar sewa.



MPPG meninjau salah satu unit rumah di PPR Seri Alam yang didakwa mempunyai tunggakan sewa.

Jelasnya, hal tersebut menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi.

Terdahulu, penghuni terlibat diarah keluar oleh Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) kerana dipercayai tidak membayar tunggakan sewa mereka.

Tindakan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu bagaimanapun menyebabkan sebuah portal mendakwa kerajaan negeri sengaja tidak mahu mengambil peduli nasib penghuni terbabit.

Perkara itu menjadi hangat apabila Umno Bahagian Pasir Gudang men-

dakwa rata-rata daripada penghuni yang diarahkan keluar itu adalah kaum Melayu dan penduduk tempatan di sana.

Ketua Pemuda, Nor Azleen Ambros berkata, MPPG atau setiausaha kerajaan negeri (SUK) bahagian perumahan sepatutnya berbincang terlebih dahulu dengan penyewa bagi mengetahui masalah mereka.

Bagi mengelakkan kekeruhan, Dzulkefly berkata, penyitaan kesemua unit rumah itu dilakukan dengan mematuhi prosedur yang lengkap.

"Kita telah ambil tindakan sebelum ini dan notis peringatan dikeluarkan selepas tiga bulan tunggakan dan diikuti notis seterusnya 14 hari selepas itu.

"Tetapi tiada tiada penghuni yang terlibat menjawab notis berkenaan," katanya.



# HARIAN METRO

**Johor Bahru** Rabu - Harian Metro - 17/4/19.

## Keputusan diketahui sebulan lagi +

Dakwaan kakitangan agensi keselamatan dicemari gas beracun ketika menjalankan operasi pembersihan toksid di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, bulan lalu, hanya akan diketahui selepas keputusan ujian kesihatan diumumkan tidak lama lagi.

Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Johor, Dasuki Mohd Heak berkata, tempoh sebulan ditetapkan sebelum ini terpaksa dipanjangkan

termasuk membabitkan proses perincian dan analisis oleh Kementerian Kesihatan.

“Dia (ujian kesihatan) ada banyak proses. Pertamanya sampel diambil kemudian data-data perlu di hantar ke bahagian kimia.

“Sampel darah akan dihantar ke bahagian darah dan sebagainya. Itu mengambil masa,” katanya pada Program Seminar Kesihatan Pekerjaan Peringkat Negeri Johor 2019, di sini, semalam.

